

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

Kota Kinabalu

BH 13.2.2014 V16

**S**embilan pelajar Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencatat sejarah Malaysian Book of Records (MBOR) apabila mencatat rekod baharu larian bergilir tanpa henti di atas mesin senaman treadmill, baru-baru ini.

Rekod larian selama 264 jam dengan jarak sejauh 2,299.42 kilometer (km) itu mendapat pengiktirafan MBOR menerusi penyerahan sijil wakil MBOR, Nurul Huda Zakaria kepada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Mohd Harun berkata, keja-yaan mencatat rekod baharu itu hasil kegigihan dan semangat tinggi pelajar untuk mencipta kejayaan membanggakan bukan saja kepada diri, sebaliknya universiti.

Selain melahirkan pelajar yang mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas, katanya, program turut memupuk semangat kesukanan dan perpaduan dalam kalangan penuntut.

#### Saingan sihat

"Program sebegini menguji ketahanan mental dan fizikal pelajar selain mewujudkan saingan sihat dalam kalangan pelajar," katanya berucap pada majlis penutup program itu.

Majlis penutup disempurnakan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah, Datuk Jainab Ahmad Ayid.

# UMS catat rekod larian baharu



Harun (dua dari kanan) menerima sijil Malaysia Book of Records daripada Nurul Huda (dua dari kiri) sambil disaksikan Jainab (kiri) di One Borneo Hypermall, Kota Kinabalu.



KEJAYAAN MENCATAT REKOD BAHRU ITU HASIL KEGIGIHAN DAN SEMANGAT TINGGI PELAJAR UNTUK MENCPTA KEJAYAAN MEMBANGGAKAN BUKAN SAJA KEPADA DIRI, SEBALIKNYA UNIVERSITI."

Dr Mohd Harun Abdullah,  
Naib Canselor

Sembilan pelajar UMS yang memecahkan rekod baharu larian menunjukkan sijil yang diperoleh.



Aksi larian salah seorang peserta UMS.

Sementara itu, Jainab berkata kejayaan UMS melakar rekod baharu dalam MBOR menjadi pencetus pembudayaan sukan kepada masyarakat.

Beliau tertarik dengan disiplin tinggi, semangat bekerjasama berpasukan dan minda cergas yang ditonjolkan pelajar UMS serta petu-

gas yang berkampung selama 11 hari di One Borneo.

"Aktiviti sukan sebegini mampu menghindarkan belia daripada terjebak dengan aktiviti yang kurang sihat seperti penyalahgunaan dadah selain mengejekkan silaturahim jika dijalankan bersama keluarga dan rakan," katanya.